

02 AUG 2000

KESATUAN PERGURUAN TAWAR BERI PENERANGAN MENGENAI SEKOLAH WAWASAN

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) sedia membantu Kementerian Pendidikan bagi memberi penerangan kepada orang ramai mengenai projek sekolah wawasan.

Setiausaha Agungnya N. Siva Subramaniam berkata penerangan itu perlu berikutan wujudnya kebimbangan di kalangan sesetengah pihak bahawa pelaksanaan projek itu akan menyebabkan Sekolah Jenis Kebangsaan (SRJK) Cina dan Tamil kehilangan identiti.

"Cadangan untuk membantu memberikan penerangan ini adalah antara syor yang terkandung dalam memorandum khas kesatuan yang akan diserahkan kepada kementerian," katanya ketika dihubungi Bernama, di sini hari ini.

Beliau berkata dalam memorandum itu, kesatuan juga mencadangkan supaya kementerian menyediakan garis panduan khusus mengenai pelaksanaan projek sekolah wawasan.

"Dengan adanya garis panduan ini, ia membolehkan pentadbir sekolah memahami dengan jelas apa yang dimaksudkan projek sekolah wawasan kerana ia bukan sahaja membabitkan pembinaan infrastruktur baru, malah cara pentadbiran yang berbeza," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) pada 25 Julai lepas berkata, kesemua 14 parti komponen BN menyokong pelaksanaan projek sekolah wawasan bagi memperkukuhkan hubungan kaum bermula di peringkat sekolah.

Di bawah projek itu, beberapa sekolah termasuk SRJK Cina dan Tamil dibina di tempat yang sama dengan berkongsi kemudahan seperti padang, kantin dan dewan.

-- BERNAMA
NY RV FAZ